



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.46 ( 34 )  
Tarikh : 27 Jun 2021

## SIARAN MEDIA

---

### **MAKLUMBALAS BERHUBUNG PENGOPERASIAN SEMULA SEKTOR KREDIT KOMUNITI (PEMBERI PINJAM WANG BERLESEN) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) 3.0**

---

**PUTRAJAYA, 27 Jun 2021** – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengambil maklum mengenai isu yang berbangkit di media sosial berkaitan pengoperasian semula Sektor Kredit Komuniti (Pemberi Pinjam Wang Berlesen) dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dikatakan telah menggalakkan rakyat untuk berhutang.

Pengoperasian sektor ini adalah berdasarkan keputusan Kerajaan untuk memberikan kebenaran kepada Sektor Kredit Komuniti (KK) atau Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen yang berdaftar di bawah KPKT untuk beroperasi semula dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 menerusi Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 18 Jun 2021 yang lalu.

Syarikat Kredit Komuniti atau dikenali sebagai Pemberi Pinjam Wang (PPW) telah lama beroperasi di Malaysia sejak zaman sebelum merdeka lagi iaitu pada tahun 1951 apabila Kerajaan mewujudkan Ordinan Pemberi Pinjam Wang bagi mewujudkan kawal seliaan terhadap industri ini melalui pelesenan dan penguatkuasaan. Pada tahun 2003, Kerajaan telah mewujudkan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] dan diletakkan di bawah tanggungjawab KPKT selaku Kementerian yang mengawalselia syarikat pemberi pinjam wang berlesen tersebut. Pada tahun 2019, nama Pemberi Pinjam Wang ini telah dijenamakan semula kepada Kredit Komuniti (KK). Justeru, sektor KK ini telah lama terlibat secara aktif sebagai salah satu

komponen dalam institusi kewangan di negara ini yang turut menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi negara.

Berdasarkan kajian, pemerhatian dan maklumat yang diperolehi dari pihak Persatuan PPW, antara faktor orang ramai melakukan pinjaman di Syarikat KK adalah seperti berikut:

- i. **Proses dan prosedur pinjamannya adalah lebih mudah berbanding dengan bank atau institusi pinjaman lain yang berdaftar.** Kebanyakan peminjam individu di bawah syarikat KK merupakan golongan yang tidak mendapat akses atau tidak layak mendapat kemudahan pinjaman daripada institusi kewangan serta perbankan dan merupakan kategori *underserved* disebabkan oleh ketiadaan dokumen sokongan untuk menyokong profil pinjaman mereka.
- ii. **Proses kelulusan pinjaman yang lebih mudah dengan tempoh yang lebih singkat iaitu sekitar 1 hingga 3 hari turut merupakan faktor pinjaman dilakukan dengan syarikat KK ini di samping **kadar faedah yang dikawal oleh Akta dan jelas** yang ditawarkan oleh syarikat.**
- iii. **Amaun pinjaman yang lebih fleksibel dan tidak *rigid*.** Mengikut rekod transaksi pinjaman, secara puratanya terdapat lebih kurang 70,000 orang peminjam melakukan transaksi pinjaman dengan nilai di bawah RM1,000.00 pada setiap tahun. Berdasarkan rekod, nilai pinjaman terendah yang dikenalpasti adalah serendah RM200.00. Nilai pinjaman ini tidak dapat ditawarkan oleh pihak bank atau institusi kewangan yang lain disebabkan oleh *margin* keuntungan yang sangat rendah dan tidak dapat dilindungi oleh insurans.
- iv. **Tiada nilai had pinjaman maksimum (*capping*) yang ditetapkan di dalam Akta 400** menyebabkan had pinjaman maksimum yang ditawarkan oleh sesebuah syarikat KK adalah berbeza mengikut kemampuan syarikat masing-masing. Perkara ini turut menjadi faktor penarik terutamanya yang melibatkan pinjaman bercagar. Kebanyakan pinjaman bercagar adalah melibatkan pinjaman korporat (syarikat) yang memerlukan modal perniagaan dalam

jumlah yang besar dan pada waktu yang singkat. Namun begitu, terdapat juga syarikat berskala besar dan berstatus berhad yang melakukan pinjaman dengan syarikat KK disebabkan oleh jumlah pinjaman yang dilakukan dengan pihak bank telah mencapai jumlah maksimum yang ditetapkan.

Syarikat KK bukan hanya terlibat dalam pemberian pinjaman kepada individu yang berskala mikro semata-mata. Namun ia juga berperanan sebagai salah satu rantai dalam sektor perbankan dan kewangan yang terlibat dalam pembangunan sektor perniagaan di negara ini melalui pemberian pinjaman kepada syarikat perniagaan sebagai modal perniagaan.

KPKT memastikan pengoperasian Sektor Kredit Komuniti (KK) atau Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen ini sentiasa mematuhi undang-undang dan akta yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dengan melakukan pemeriksaan dan pemantauan secara berkala ke atas syarikat-syarikat KK, menjalankan siasatan dan pemeriksaan mengejut terhadap premis syarikat KK yang disyaki melakukan kesalahan di bawah akta atau terlibat dengan kesalahan jenayah seperti melakukan penipuan atau kekerasan terhadap peminjam. Usaha sama turut dijalankan bersama pihak PDRM khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Komersil sejak tahun 2006 bagi membendung kegiatan pemberi pinjam wang tidak berlesen atau Ah Long.

Berdasarkan sumber dari pihak Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, PDRM, antara Januari hingga Mei 2021, sebanyak 2,177 kertas siasatan telah dibuka berkenaan kes *scammer* manakala sebanyak 434 kertas siasatan yang melibatkan kes Ah Long telah dibuka dalam tempoh yang sama. Manakala bagi tahun 2020, jumlah keseluruhan kes yang melibatkan *scammer* ialah 5,709 kes dan Ah Long pula sebanyak 1,082 kes. Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK) juga sering berhubung dan berkongsi maklumat dengan Bank Negara Malaysia (BNM) melalui cawangan *Anti Money Laundering and Counter Financing of Terrorism* (AMLA/CFT) bagi memastikan syarikat KK ini tidak terlibat dengan kegiatan penggubahan wang haram termasuk melakukan operasi seperti Ah Long atau merekrut Ah Long.

Dari sudut kontrak pula, secara amnya apa-apa perjanjian yang sah dari segi perundangan akan dilindungi di bawah Akta Kontrak 1950 termasuklah perjanjian di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951. Berdasarkan Akta Kontrak tersebut, jelas dinyatakan hanya pihak yang memberi kontrak atau *promisee* (dalam isu ini ialah Pemberi Pinjam Wang) sahaja boleh melakukan pindaan terhadap perjanjian yang dilakukan samada memanjangkan tempoh kontrak, mengurangkan jumlah amaun pinjaman yang perlu dibayar balik dan sebagainya. Justeru kemudahan moratorium adalah tertakluk kepada Pemberi Pinjam Wang berdasarkan kemampuan dan keupayaan syarikat berkenaan. Kebanyakan syarikat KK ini juga merupakan syarikat bersaiz kecil dan sederhana.

KPKT telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mewujudkan kesedaran kepada orang ramai mengenai hak-hak sebagai peminjam melalui penerangan dalam media elektronik dan hebahan melalui media sosial. Ini bagi memberi pendedahan dan informasi kepada masyarakat agar melakukan pinjaman wang di syarikat KK yang berlesen dan institusi kewangan yang dikawalselia oleh Kerajaan sahaja dan tidak terjerumus dalam perangkap Ah Long.

KPKT turut melancarkan aplikasi mobil i-KrediKom. Aplikasi ini akan memudahkan orang awam membuat carian syarikat Kredit Komuniti yang berlesen di Semenanjung Malaysia selain memudahkan orang ramai membuat aduan. Ia juga turut memberi penerangan secara informatif mengenai hak sebagai peminjam dan jenis-jenis kesalahan di bawah Akta dan Peraturan Pemberi Pinjam Wang 1951.

KPKT selaku kementerian yang mengawal selia Syarikat KK sentiasa memastikan hanya pemberi kredit yang layak sahaja dilesenkan. Ini bagi memastikan hak-hak peminjam adalah sentiasa dilindungi dan terjamin.

#### **-TAMAT-**

---

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telfon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)